

**KAJIAN MENGENAI PUNCA-PUNCA KELEMAHAN
PELAJAR-PELAJAR MELAYU DALAM MENGUASAI
MATAPELAJARAN MATEMATIK.
KAJIAN KES DAERAH KINTA
DAN HILIR PERAK.**

OLEH :

**BAIN BIN BAHARON
NO. ITM : 94796279**

**ROHANIM BT. HAJI ABD RASHID
NO. ITM : 94796558**

**SAID BIN IDRIS
NO. ITM : 94794450**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK SYARAT BAGI
MENDAPATKAN DIPLOMA PENTADBIRAN
DAN UNDANG-UNDANG**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
PERAK DARUL RIDZUAN**

1998

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadiran Allah s.w.t. atas limpah kurnia, petunjuk serta hidayah Nya juga membolehkan kajian ini disiapkan seperti yang dirancangan.

Kami ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Fauzi b. Mohd Harun, Pensyarah dan Penyelia Kertas Projek PAD 340. Beliau tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan dalam menyiapkan kertas projek ini. Jasa baik dan sikap tolak ansur beliau semasa membimbing kami sangatlah kami hargai.

Penghargaan juga dirakamkan kepada pihak ITM kerana memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma dalam kajian Pentadbiran Awam dan Undang-Undang. Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan ITM Cawangan Perak yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan serta bantuan semasa kami menuntut di sini.

Penghargaan tidak terhingga kepada Tuan Pengetua Sekolah Menengah Tun Abdul Razak, Selekoh, Guru Besar Sekolah Sungai Haji Muhamad, Selekoh,

SINOPSIS

Kajian mengenai Punca-Punca Kelemahan Pelajar Melayu Dalam Menguasai Matapelajaran Matematik bertujuan untuk mengkaji pencapaian kelulusan matematik di kalangan pelajar Melayu yang rendah. Antara sebab-sebab kelemahan pelajar-pelajar Melayu adalah sikap negatif terhadap matematik. Oleh kerana itu perubahan sikap yang lebih positif terhadap matematik adalah penting untuk menjamin kejayaan di masa depan. Selain daripada itu SES yang berbeza, keadaan persekitaran, proses pengajaran dan pembelajaran, inisiatif guru dan murid dan sebagainya juga mempengaruhi pencapaian matematik.

Kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar, guru, kaunselor, ibu bapa dan seterusnya masyarakat menyedari pentingnya matematik di dalam kehidupan seharian. Pihak guru boleh meningkatkan keberkesanan pendidikan dan pembelajaran matematik di sekolah di samping membimbing pelajar bagi menyelesaikan pelbagai masalah berasaskan kemahiran yang diterima. Di samping memberi sumbangan yang begitu besar dalam melahirkan masyarakat yang progresif yang dihasratkan untuk mencapai Wawasan 2020.

KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	iii
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI CARTA	xii
GLOSSARY	xiii
BAB SATU : PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Methodologi Kajian	5
1.5 Hipotesis	6
1.6 Kajian-kajian Lepas	8
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Kepentingan	11
1.9 Organisasi Kajian	12
1.10 Sekatan dan masalahnya	13

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan yang pesat sejak ianya mencapai kemerdekaan. Pengenalan dan pelaksanaan kurikulum baru (KBSR dan KBSM) berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) bertujuan untuk mencapai pendidikan yang berkualiti. Cabaran yang ke 6 dalam Wawasan 2020 jelas sekali menegaskan peranan sains dan teknologi dalam menjadikan Malaysia Negara Industri Baru.

Sebagai sebuah negara industri baru, Malaysia memerlukan rakyat khususnya para pelajar yang berminat dalam mata pelajaran sains dan teknologi. Untuk menghadapi cabaran dan perkembangan ini, pengetahuan dan kemahiran mereka perlu dipertingkatkan bagi menyediakan golongan profesional dalam bidang sains dan teknologi.